

14 JUL 2001
Dewan-Sultan
SULTAN JOHOR MAHU RAKYAT BERSATU

JOHOR BAHRU, 14 Julai (Bernama) -- Sultan Johor hari ini mengingatkan rakyat negeri itu supaya mengekalkan perpaduan dan menjaga keharmonian antara kaum.

Semua pihak hendaklah bersatu-padu dan mengelak daripada keadaan berpecah-belah, titah baginda ketika merasmikan persidangan Dewan Undangan Negeri Johor penggal ketiga, di sini hari ini.

Baginda juga mengingatkan kerajaan negeri supaya berusaha menghindari unsur-unsur negatif dan perpecahan kaum daripada menular masuk ke negeri ini.

Rakyat hendaklah terus menjaga perpaduan serta berpegang teguh kepada kepercayaan dan agama masing-masing seperti yang diperuntukkan dalam Rukun Negara demi menjaga keharmonian antara kaum, titah baginda.

Sultan Johor bertitah bahawa pembangunan ekonomi memerlukan negara sentiasa berada di dalam keadaan aman dan damai.

Rakyat hendaklah sentiasa menyokong kerajaan serta bersatu padu dan jangan menggunakan agama sebagai alat untuk mengancam keamanan semata-mata mencari pengaruh hingga membawa perpecahan dalam masyarakat dan penyelewengan dari segi akidah dan ajaran Islam, titah baginda.

Baginda juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah memberikan kerjasama dan sokongan kepada kerajaan Johor.

Titah baginda, tindakan awal dan serta-merta Kerajaan Persekutuan telah dapat memulihkan ekonomi negara apabila pertumbuhan ekonomi meningkat pada kadar 5.8 peratus pada tahun 1999.

Pada tahun lepas, keadaan terus meningkat pada kadar lapan peratus dan pada tahun ini kadar itu telah stabil kepada lima peratus disebabkan penurunan kadar pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat.

Mengenai negeri Johor, baginda bertitah kerajaan negeri sedang mengambil tindakan untuk memperkuatkan prasarana maklumat, meningkatkan penyelidikan dan pembangunan serta kemahiran pengetahuan.

Menyedari akan ancaman akibat perdagangan bebas di antara negara-negara Asean mengikut perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean, kerajaan negeri akan mengambil langkah-langkah termasuk meningkatkan pelaburan ke negara-negara maju dan Timur Tengah dalam bidang teknologi tinggi disamping memperkukuhkan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana, titah baginda.

Terdahulu, keberangkatan baginda ke Bangunan Sultan Ibrahim disambut oleh Tunku Mahkota Johor, Tengku Bendahara Johor, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan Speaker Datuk Zainalabidin Mohd Zin.

Baginda kemudian memeriksa perbarisan kehormatan terdiri daripada anggota pasukan Timbalan Setia Negeri.

Dewan akan bersidang Isnin ini sehingga 24 Julai depan.

-- BERNAMA

RAM MOZ